



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
06 FEBRUARI 2017 (ISNIN)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|----------------------------------|----|
| - Ubah suai rumah ikut suka hati | 40 |
|----------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
06 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Ubah suai rumah ikut suka hati
Muka Surat	40

Ubah suai rumah ikut suka hati

MPAJ disaran ambil tindakan tegas terhadap mereka yang tambah rumah tanpa izin

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) perlu mengambil tindakan segera terhadap mereka yang melakukan ubah suai rumah atau bangunan tanpa mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya kejadian rumah terbakar di Kampung Pandan tidak berulang.

Adun Chempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, pihaknya telah mengadakan mesyuarat bersama MPAJ, jabatan bomba dan penyelamat serta polis berhubung isu kebakaran rumah di Kampung Pandan pada 25 Ogos lalu.

"Kejadian yang sama masih berlaku pada 2 dan 3 Februari lalu. Saya melihat perlu ada tindakan tegas daripada MPAJ terhadap penduduk yang melakukan penambahan rumah tanpa izin," katanya.

Iskandar yang juga Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan

Dan Kehidupan Bandar berkata, pihaknya mendapat ada juga pembinaan gerai serta lot kedai yang dipercayai tanpa izin.

"Akibat daripada pembinaan ini, kawasan rumah itu akan jadi sesak dan pendawaian elektrik yang tidak teratur boleh menjadi salah satu punca kebakaran disebabkan litar pintas," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Ujarnya, pihak berkenaan perlu mengambil tindakan tegas kerana kejadian kebakaran pada 2 Februari lalu telah merugut nyawa seorang warga emas.

"Saya sebagai Adun tidak akan melayan individu yang menghantar surat memohon rayuan atau pengecualian jika ada daripada mereka dikenakan tindakan," katanya.

Tambahnya, MPAJ juga perlu proaktif turun padang ke kawasan tersebut untuk melihat sendiri masalah yang berlaku.



Iskandar (dua, kiri) bersama anggota bomba dan mangsa rumah terbakar di Kampung Pandan.

"Mereka (MPAJ) bukan saja perlu turun padang tengok, malah buat pemantauan dan tindakan te-

gas. Kawasan itu kini boleh dianggap sebagai perangkap matu kerana perumahan di situ dekat antara satu

sama lain, ia boleh jadi satu masa-lah besar apabila berlaku kebakaran," katanya.